

Headline	Panel RSPO perhalusi butiran bintang panas Indonesia		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Jul 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	122 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 277
Frequency	Daily	PR Value	RM 832



## Panel RSPO perhalusi butiran bintang panas Indonesia

**KUALA LUMPUR**, Selasa—Meja Bulat mengenai Kelestarian Minyak Sawit (RSPO) akan menentukan sama ada punca kebakaran di kalangan 74 bintang panas di konsesi milik PT Jatim Jaya Perkasa merupakan kegagalan sistem dalam mengurus alam sekitar atau sebaliknya.

Bintang panas dikesan dari 1 hingga 26 Jun tahun ini.

RSPO berkata perkara itu akan dirujuk kepada Panel Aduan untuk dibincang, dinilai dan dibuat keputusan.

"Sementara itu, RSPO menggesa PT Jatim Jaya Perkasa supaya bertindak dengansegera bagi menangani kebakaran yang mungkin masih aktif dalam konsesi mereka," ketanya dalam satu kenyataan.

Ia berkata pada 24 Jun, RSPO memohon lima ahli syarikatnya yang dilapor dikaitkan dengan kebakaran hutan di Sumatera agar mengemukakan peta digital kawasan konsesi mereka di Indonesia.

Sehingga 9 Julai, empat dari mereka iaitu Sime Darby,

Kuala Lumpur Kepong, Golden Agri Resources dan Tabung Haji Plantations telah mengemukakan peta digital yang diperlukan itu.

Kenyataan itu berkata pada 10 Julai, PT Jatim Jaya Perkasa telah mengemukakan maklumat konsesinya dalam bentuk yang diperlukan.

Ia menyebut amaran kebakaran di dalam sempadan syarikat itu telah dianalisis secara berasingan oleh World Resources Institute dan saintis Malaysia Dr Khali Aziz Hamzah dari Institut Kajian Perhutanan Malaysia (FRIM).

RSPO bukan merupakan persatuan mencari keuntungan yang menyatu pemegang kepentingan dari pelbagai sektor industri minyak sawit untuk membangun dan melaksana piawaian global bagi kelestarian minyak sawit.

Kebakaran hutan yang berasal dari Indonesia dikatakan sebagai punca jerebu yang melanda rantau ini baru-baru ini. -- Bernama